



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 14 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KEMPEN 'AWAK OK TAK' BANTU LEBIH 50,000 ORANG DI TALIAN		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/13/kempen-awak-ok-tak-bantu-lebih-50000-orang-di-talian	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.youtube.com/shorts/nQUHjuTtBuo	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	BIMBINGAN MORAL PERLU DINILAI SEMULA		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/bimbingan-moral-perlu-dinilai-semula/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	LAN BERAMBEH ANAK SARAWAK 2025 BAKAL BERLANGSUNG DENGAN SKALA LEBIH BESAR		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/13/lan-berambeh-anak-sarawak-2025-bakal-berlangsung-dengan-skala-lebih-besar/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PROGRAM PEMBANGUNAN PERKASA USAHAWAN WANITA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/program-pembangunan-perkasa-usahawan-wanita	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SIFAT SEMULA JADI WANITA KELEBIHAN UNIK DALAM MISI KEMANUSIAAN, FITRAH WANITA ITU LEMBUT - FARAH LEE		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1275189/sifat-semula-jadi-wanita-kelebihan-unik-dalam-misi-kemanusiaan-fitrah	HMETRO.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2478441	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/752366/berita/nasional/penglibatan-wanita-bukan-sekadar-simbol-tetapi-nadi-penting-misi-kemanusiaan---farah-lee	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2478493	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	MELAKA PERKUKUH PERANAN WANITA DALAM SEKTOR EKONOMI, SOSIAL		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/melaka-perkukuh-peranan-wanita-dalam-sektor-ekonomi-sosial/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	PM MAHU SISTEM PENDIDIKAN TEKANKAN ASPEK NILAI DAN PRINSIP		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/pm-mahu-sistem-pendidikan-tekankan-aspek-nilai-dan-prinsip/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	AKTIVIS CADANG LIMA LANGKAH LINDUNGI KANAK-KANAK DI SEKOLAH		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/aktivis-cadang-lima-langkah-lindungi-kanakkanak-di-sekolah-542771	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	YOUTH FORUM DEBATES SCOPE, IMPLEMENTATION OF ANTI-BULLYING LEGISLATION		NEUTRAL
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/13/youth-forum-debates-scope-implementation-of-anti-bullying-legislation	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	PAKAR PSIKOLOGI SIAPKAN BUKU ANTIBULI 7 HARI LEPAS KES ZARA QAIRINA		NEUTRAL
	https://www.malaysiakini.com/news/757862	MALAYSIAKINI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	INKUES ZARA QAIRINA: DUA SAKSI KANAK-KANAK BAHARU BERI KETERANGAN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/inkues-zara-qairina-dua-saksi-kanak-kanak-baharu-beri-keterangan	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	TUJUH BERANAK HIDUP DAIF DIPINDAHKAN KE PPR		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1275039/tujuh-beranak-hidup-daif-dipindahkan-ke-ppr	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	PELAKU KES ROGOL, JENAYAH SEKSUAL DISIASAT TANPA KIRA UMUR		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pelaku-kes-rogol,-jenayah-seksual-disiasat-tanpa-kira-umur	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1458097/ada-keperluan-ruu-antibuli-berbeza-untuk-kanak-kanak-dewasa-azalina	BHARIAN.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2478270	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/752314/berita/nasional/kerajaan-pertimbang-gubal-undang-undang-antibuli-berasingan-bagi-kanak-kanak-dewasa	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-rogol-di-melaka-jenayah-seksual-disiasat-tanpa-mengira-umur-azalina-542703	ASTROAWANI.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/13/azalina-says-proposed-anti-bullying-act-includes-online-reporting-mechanism	THESTAR.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/13/kerajaan-pertimbang-undang-undang-buli-asing-bagi-kanak-kanak-dewasa	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/757922	MALYSIAKINI.COM	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2478225	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/13/govt-mulls-separate-anti-bullying-laws-for-children-adults-says-azalina	THESTAR.COM.MY	
	https://theedgemalaysia.com/node/773808	THEEDGEMALAYSIA.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/13/govt-mulling-separate-anti-bullying-laws-for-children-and-adults	FREEMALYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	4 PELAJAR SUSPEK KES ROGOL DI MELAKA DIBUANG SEKOLAH SERTA-MERTA		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1458118/4-pelajar-suspek-kes-rogol-di-melaka-dibuang-sekolah-serta-merta	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1275033/4-suspek-kes-rogol-pelajar-dibuang-sekolah-kp-pendidikan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/752284/berita/semasa/empat-suspek-rogol-bergilir-gilir-pelajar-tingkatan-3-dibuang-sekolah---ketua-pengarah-pendidikan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/13/4-suspek-pelajar-kes-rogol-di-melaka-dibuang-sekolah	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/13/empat-suspek-kes-rogol-pelajar-sekolah-di-melaka-dibuang-sekolah/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2478256	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/13/4-suspek-terlibat-kes-rogol-pelajar-tingkatan-3-dibuang-sekolah-duduki-spm-di-tempat-lain/	MALYSIAGAZETTE.COM	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/10/13/empat-suspek-kes-rogol-pelajar-di-melaka-dibuang-sekolah-serta-merta	MAJORITI.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
15	KEGANASAN RUMAH TANGGA TIDAK SEMESTINYA BERHENTI DI SITU – ZAHNITA WILSON		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/gaya/hiburan/2025/10/keganasan-rumah-tangga-ia-tidak-semestinya-berhenti-di-situ-zahnita-wilson/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/13/penderitaan-itu-tidak-akan-berhenti-hati-hati-dengan-kempen-fitnah/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kempen 'Awak ok tak' bantu lebih 50,000 orang di talian

YESTERDAY
FMT Reporters

Menteri Nancy Shukri berkata panggilan itu diterima menerusi Talian Kasih, iaitu talian utama kempen untuk membantu masalah tekanan dalam kehidupan.



Nancy Shukri bersama orang ramai memeriahkan kempen 'Awak OK Tak? Jom Kongsi' sempena program Kasih Fun Run di Dataran DBKL, semalam. (Gambar Facebook)

PETALING JAYA: Sebanyak 52,801 panggilan diterima Talian Kasih dari Januari hingga bulan lalu, menunjukkan semakin ramai individu mencari tempat untuk mendapatkan sokongan emosi dan bimbingan ketika berdepan tekanan hidup.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shukri berkata setiap panggilan ke talian sokongan program 'Awak OK Tak?' itu menggambarkan seseorang yang memerlukan 'telinga untuk mendengar atau bahu untuk bersandar'.

"Kempen 'Awak OK Tak?' ialah seruan untuk kita semua belajar bertanya, mendengar dan hadir untuk satu sama lain. Soalan yang nampak kecil, tetapi maknanya besar.

"Kadangkala pertanyaan 'Awak OK tak?' boleh menjadi langkah pertama untuk seseorang rasa dilihat dan disayangi," katanya sambil menyeru orang ramai tidak memandang ringan kesejahteraan emosi orang di sekeliling.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan kempen 'Awak OK Tak? Jom Kongsi' sempena program Kasih Fun Run di Dataran DBKL, semalam.

Talian Kasih 15999 merupakan platform utama kempen tersebut yang beroperasi 24 jam tanpa henti.

Menerusi talian berkenaan, orang ramai boleh mendapatkan perkhidmatan kaunseling, bantuan kebajikan kumpulan sasaran, perlindungan serta perkhidmatan kesihatan reproduktif.

Selain itu, talian ini turut menyediakan bimbingan sosial remaja bagi meningkatkan kesejahteraan emosi dan sosial masyarakat.

Menurut Nancy, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) percaya kesejahteraan emosi sama pentingnya dengan kesihatan fizikal.

"Kita berlari hari ini untuk kesihatan badan, tetapi kita juga perlu berlari ke arah kesejahteraan minda dan jiwa," katanya.

Beliau berkata, kementeriannya bersama pelbagai rakan strategik akan memperluaskan kempen itu melalui pemasangan poster, pelekat dan aktiviti komuniti di seluruh negara agar mesej 'Awak OK Tak?' dapat disebarluaskan.

Beliau turut menyeru masyarakat menjadikan semangat program itu sebagai titik permulaan untuk lebih prihatin terhadap satu sama lain.

"Kalau nampak jiran atau rakan yang muram, tanya saja 'Awak OK tak?' – mungkin itu soalan yang mereka perlukan hari itu," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bimbingan moral perlu dinilai semula



NANCY Shukri (lima kiri) pada pelancaran kempen 'Awak Ok Tak?' sempena Larian Kasih Fun Run di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADID.

Oleh HANAFI ZULKEFLI dan AMRAN MULLIP 13 Oktober 2025, 8:58 am

KUALA LUMPUR: Kejadian rogol melibatkan pelajar sekolah di Melaka pada awal bulan ini sepatutnya membuka mata semua pihak untuk menilai semula aspek keselamatan serta bimbingan moral di sekolah.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, sekolah seharusnya menjadi tempat paling selamat bagi anak-anak, bukan lokasi yang menimbulkan ketakutan atau kebimbangan kepada ibu bapa.

Menurutnya, semua pihak perlu menjalankan peranan mereka dalam membentuk generasi hadapan dan persekitaran sihat.

"Apa yang membimbangkan adalah pelajar yang melakukan kesalahan tersebut adalah generasi yang akan memimpin kita," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan larian Kasih Fun Run Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), semalam.

Dalam kejadian itu, seorang remaja perempuan berusia 15 tahun dipercayai dirogol dua pelajar senior di dalam kelasnya sendiri dan kejadian yang turut dirakam serta disaksikan dua pelajar lain.

Kejadian itu terbongkar selepas ibu mangsa menerima maklumat daripada guru sekolah berhubung penyebaran video tidak senonoh membabitkan anak sulungnya sebelum membawa pelajar Tingkatan Tiga itu membuat laporan di Balai Polis Alor Gajah.

Nancy berkata, pihaknya terus memperkukuh program kesedaran dan keibubapaan agar nilai moral dan tanggungjawab sosial dapat diterapkan sejak di peringkat awal persekolahan.

"Kita ada program advokasi dan pendidikan seks bersama Kementerian Pendidikan di bawah Majlis Sosial Negara.

"Saya akui pengetahuan pendidikan seks masih tidak mencukupi, sebab itu kita mahu tingkatkan usaha ini melalui program Program Kesihatan Reproktif dan Sosial (PEKERTI) di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)," katanya.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Fadhilina Sidek berkata, mangsa sedang mendapatkan rawatan dan sokongan di hospital, manakala pasukan kaunselor turut digerakkan untuk membantu seluruh warga sekolah.

"Kaunselor akan turun memberikan sokongan penuh kepada warga sekolah dan anak-anak kerana sekolah ini adalah antara sekolah terbaik di Melaka," katanya selepas sesi taklimat di Jabatan Pendidikan Negeri Melaka berhubung kes rogol itu.

Turut hadir, dalam sesi yang diadakan secara tertutup itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka, Datuk Rahmad Mariman, Ketua Pengarah Pelajaran, Dr. Mohd. Azam Ahmad dan Ketua Polis Melaka, Datuk Dzulkhairi Mukhtar.

Katanya, empat pelajar terbabit juga akan dibenarkan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang akan bermula 3 November ini.-UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program tahunan Lan Berambah Anak Sarawak (LBAS) kembali tahun ini dengan skala penganjuran yang lebih besar dan berimpak tinggi.

Lan Berambah Anak Sarawak 2025 bakal berlangsung dengan skala lebih besar

By TV5 #bm.Malaysia October 13, 2025 9:40 PM

KUALA LUMPUR, 13 Okt: Program tahunan Lan Berambah Anak Sarawak (LBAS) kembali tahun ini dengan skala penganjuran yang lebih besar dan berimpak tinggi.

Acara edisi 2025 itu dijadual berlangsung pada Sabtu, 25 Oktober depan di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, LBAS 2025 yang dianjurkan oleh Sarawak Volunteers dengan sokongan penuh Kerajaan Sarawak mengangkat tema Perpaduan Dalam Kepelbagaian Teras Kemakmuran.

Tema itu, kata beliau sejajar dengan aspirasi Kerajaan Sarawak untuk mencapai status wilayah maju dan makmur berteraskan keharmonian rakyat menjelang 2030.

"Sejak dimulakan 2008, LBAS berkembang daripada sebuah perhimpunan kecil kepada platform utama yang menghubungkan pelajar, belia dan golongan profesional Sarawak di Semenanjung Malaysia dengan pimpinan tertinggi Kerajaan Sarawak,"katanya.

Belliau berkata demikian pada sidang media penganjuran LBAS 2025 di Ibu negara hari ini.

Tambah Nancy, program itu bukan sekadar wadah pertemuan sosial, malah berperanan penting dalam menyampaikan dasar dan aspirasi kerajaan negeri ke arah pembangunan holistik Sarawak.

Penganjuran LBAS 2025 memberi peluang kepada anak-anak Sarawak di Semenanjung Malaysia memahami dasar Kerajaan Sarawak, selain mengutarakan pandangan kepada Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg melalui sesi Town Hall serta mewujudkan ruang jaringan antara pelajar, pemimpin, dan agensi kerajaan.

"Antara aktiviti yang dianjurkan termasuk sesi Townhall Sarawak Agenda, Sarawak Expo 2025, Kenyalang Speaks, Kenyalang Career Initiative, Sidang Siswa Sarawak (Crocs Tank), Pocket Show Edisi Anak Sarawak serta Sarawak Life Kitchen.

"Sasaran pengunjung pada malam (kemuncak) itu adalah sekurang-kurangnya 6,500 orang dan kita menggalakkan kehadiran seramai mungkin pada siangya, dengan kira-kira 3,500 pelajar yang sudah mengesahkan akan hadir," ujarnya.

Belliau turut memaklumkan LBAS menjadi platform penting untuk memperkenalkan keunikan Sarawak kepada masyarakat umum melalui persembahan kebudayaan, pameran produk tempatan serta interaksi antara komuniti.

"Ia juga memberi peluang kepada mereka yang bukan berasal dari Sarawak, serta warga Sarawak yang sudah lama tidak pulang ke negeri itu, untuk mengetahui dan melihat sendiri produk-produk terkini dari Sarawak," katanya. – TV5

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program pembangunan perkasa usahawan wanita

Nasional - Dicipta: 13 Oktober 2025 11:33 PM



Foto RTM

KUALA LUMPUR, 13 Oktober - Lebih 4,000 wanita di seluruh negara, berjaya diberi bimbingan melalui sebuah program pembangunan bagi memperkasa wanita dalam bidang kemahiran dan keusahawanan.

Inisiatif tersebut menjadi platform untuk membantu wanita meningkatkan keyakinan diri dan meneroka peluang baharu.

Ini termasuk mengembangkan potensi ekonomi melalui aktiviti bimbingan, latihan digital serta jaringan komuniti.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Dr. Faridah Awang berkata program seumpama itu, selaras dengan usaha kerajaan memperkukuh agenda kesaksamaan jantina dan pemerkasaan wanita.

"Saya mengharapkan agar program ini mampu menginspirasi dan memperkasa wanita Malaysia untuk melangkah keluar daripada zon selesa, sama ada dalam bidang masakan atau dalam kehidupan, serta membawa perubahan yang lebih bermakna kepada diri dan keluarga melalui makanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita dalam satu majlis pelancaran dekat sini, hari ini.

Antara matlamat program berkenaan adalah meningkatkan kualiti hidup masyarakat melalui pendidikan, sokongan dan keusahawanan inklusif.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sifat semula jadi wanita kelebihan unik dalam misi kemanusiaan, fitrah wanita itu lembut - Farah Lee

BERNAMA



FARAH ketika sesi temu bual bersama Bernama di Wisma Bernama, Kuala Lumpur, hari ini. FOTO Bernama

Kuala Lumpur: Pembabitn wanita dalam misi kemanusiaan bukan sekadar pelengkap, sebaliknya memainkan peranan strategik khususnya di zon konflik yang membabitkan golongan paling terkesan seperti kanak-kanak dan ibu tunggal.

Aktivist kemanusiaan Nurfarahin Romli, 32, atau lebih dikenali sebagai Farah Lee berkata, sifat semula jadi wanita yang penyayang dan lembut memberi kelebihan unik kepada mereka dalam menyantuni mangsa yang trauma dan memerlukan sokongan emosi.

"Fitrah wanita itu lembut, apabila kita (wanita) berinteraksi dengan kanak-kanak, mereka secara tidak langsung jadi rapat dengan aktivis wanita. Hal ini memudahkan kita untuk menghibur dan memberi sokongan moral kepada mereka.

"Berdasarkan pengalaman saya semasa menyertai misi kemanusiaan di Syria, Afghanistan, terdapat ibu-ibu tunggal di sana yang tidak selesa jika ditemui aktivis lelaki, jadi kami wanita yang akan menyantuni mereka serta menghantar bantuan dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berkongsi pengalaman sepanjang misi Global Sumud Flotilla (GSF) ke Gaza dalam temu bual bersama Bernama Radio di sini hari ini.

Berkenaan penyertaan wanita berstatus isteri dalam misi terbabit, Farah Lee yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Kebajikan FL, menjelaskan bahawa setiap individu yang dipilih menyertai itu mempunyai kapasiti serta kepakaran masing-masing.

"Saya sendiri dipilih kerana pengalaman misi kebajikan sebelumnya dan kemampuan saya dari segi media sosial iaitu saya mempunyai bilangan followers (pengikut) yang tinggi membolehkan mesej misi ini disebarluaskan lebih meluas berbanding suami saya.

"Saya memang sudah aktif dalam misi kemanusiaan antarabangsa sejak 2018, semasa saya masih lagi seorang ibu tunggal. Dalam perkahwinan baharu saya, suami saya sudahpun sedia maklum dengan kerjaya saya dan menerima hakikat bahawa tanggungjawab kemanusiaan adalah sebahagian daripada hidup saya," katanya.

Dalam program berkenaan, beliau turut berkongsi cabarannya semasa ditahan tentera Zionis termasuk penafian hak beragama apabila tudungnya serta sukarelawan yang berhijab diambil secara paksa, dinafikan akses perubahan, selain keperluan asas wanita.

Pada masa sama, beliau menekankan pengalaman misi kemanusiaan yang dikongsi itu bukan untuk mengejar publisiti seperti didakwa segelintir individu tetapi memberi peluang kepada masyarakat di negara ini untuk memahami penderitaan sebenar rakyat Palestin dengan lebih dekat.

"Melalui perkongsian pengalaman ini, orang Malaysia dapat merasai penderitaan rakyat Palestin lalui meskipun hanya secebis. Ini penting supaya rakyat lebih cakna dan tergerak untuk memberi sokongan penuh dalam membebaskan negara itu daripada jajahan Israel.

"Saya sebagai ibu juga cuba mendidik anak saya, Maream, tentang empati, keberanian dan kepedulian terhadap penderitaan global. Saya bawa dia bersama dalam misi kemanusiaan seperti di kem pelarian Syria di Jordan, supaya dia faham pentingnya misi kebajikan ini dengan harapan dia juga akan jadi sukarelawan satu hari nanti," katanya.

Beliau juga berharap momentum sokongan dan keprihatinan yang diberikan kepada mangsa penindasan di Gaza dapat diteruskan serta lebih ramai individu menyertai misi kemanusiaan tanpa mengira gender, agama atau latar belakang.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KALSOM mengiringi Dr. Asyraf pada Program Pemerksaan Wanita Kota Melaka dan Seminar Kenegaraan Malaysia Madani anjuran MARA Negeri Melaka.

MELAKA PERKUKUH PERANAN WANITA DALAM SEKTOR EKONOMI, SOSIAL

MOHAMAD FAZRUL ABDUL MAJID
ISNIN, 13 OKTOBER 2025 @ 12:19

BANDARAYA MELAKA 13 Oktober – Peranan wanita Melaka dalam sektor ekonomi dan sosial terus diperkukuh menerusi penganjuran pelbagai program berimpak

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin berkata, antara program membawa makna cukup besar yang dianjurkan adalah Pemerksaan Wanita Kota Melaka dan Seminar Kenegaraan Malaysia Madani anjuran Majlis Amanah Rakyat (MARA) Negeri Melaka yang menghimpunkan 300 usahawan wanita dalam pelbagai sektor.

Jelas beliau, program seumpamanya membuktikan bahawa wanita bukan sekadar pelengkap tetapi peneraju perubahan dalam masyarakat.

“Wanita kini menjadi pemacu ekonomi, inovator sosial dan pembina komuniti.

“Saya percaya dengan kemahiran digital dan daya saing tinggi, mereka mampu menguasai dunia keusahawanan moden,” katanya ketika berucap pada program berkenaan yang diadakan di Kolej Profesional MARA Bandar Melaka, di sini, semalam.

Majlis perasmian penutup program itu telah disempurnakan Fengerusi MARA Datuk Wira Dr. Asyraf Dusuki.

Dalam pada itu, Kalsom turut merakamkan penghargaan kepada MARA di atas usaha membantu memperkukuh ekosistem keusahawanan wanita melalui latihan kemahiran, pembiayaan mesra wanita serta platform jaringan perniagaan yang luas.

“Program ini menjadi simbol kerjasama erat antara Kerajaan Negeri Melaka dan MARA dalam memperkasa wanita Bumiputera agar terus maju, berdaya saing dan berperanan besar dalam merealisasikan aspirasi Melaka Berwibawa, Malaysia MADANI,” tambahnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENDIDIKAN BUKAN SEKADAR ILMU TETAPI JUGA MORAL DAN PRINSIP ETIKA: ANWAR

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OKTOBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Putrajaya: Sistem pendidikan negara perlu memberikan penekanan kepada aspek nilai, moral dan prinsip etika dan bukan hanya pengetahuan semata-mata susulan beberapa insiden membabitkan kejadian buli serta rogol sejak akhir-akhir ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ketika ini sistem sedia ada mempunyai kecacatan.

"Macam (isu) buli. Ini baru saya umum hari Jumaat, umum pasal buli memang keputusan dah dibuat, menteri dah sebut...rogol

Pendidikan bukan sekadar ilmu tetapi juga moral dan prinsip etika: Anwar

lagi di sekolah.

"Sampai tiap majlis saya di Tambun, satu hari, hari Sabtu jumpa ada dua program di sekolah, itu saya tekankan masalah buli.

"Pendidikan, pendidikan itu *knowledge, not values. Not moral and ethical principles. So ada flaw.* Bukan salah guru saja, ibu bapa, sistem," katanya pada Perjumpaan Perdana Menteri bersama Warga Jabatan

"Macam (isu) buli. Ini baru saya umum hari Jumaat, umum pasal buli memang keputusan dah dibuat, menteri dah sebut...rogol lagi di sekolah"

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim

Perdana Menteri bagi Bulan Oktober di sini, semalam.

Pada pembentangan Belanjawan 2025 Jumaat lalu, Perdana Menteri mengu-

menter Pendidikan Tinggi (KPT) tambah kamera litar tertutup (CCTV).

Sabtu lalu media melaporkan Ketua Polis Melaka Datuk Dzulkhairi Mukhtar berkata, empat pelajar lelaki tingkatan lima yang disyaki terbahit melakukan kesalahan seksual terhadap seorang pelajar perempuan tingkatan tiga di sebuah sekolah di Alor Gajah pada 2

Oktober lalu direman enam hari bagi membantu siasatan.

Beliau berkata, semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berusia 17 tahun itu direman hingga 16 Oktober ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan.

Susulan itu, Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek melalui satu hantaran di Facebook memberi jaminan bahawa KPM tidak akan berkompromi terhadap sebarang salah laku seksual di semua institusi pendidikan di bawah kelolaan kementerian itu.

KES ROGOL DI SEKOLAH

Empat dibuang serta-merta

Oleh Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Empat pelajar tingkatan lima yang disyaki terbahit kes rogol seorang pelajar tingkatan tiga di sebuah sekolah di Melaka, dibuang sekolah serta-merta.

Ketua Pengarah Pendidikan, Dr Mohd Azam Ahmad berkata, keputusan itu dibuat Lembaga Tatartertib Sekolah yang bersidang, semalam.

Katanya, pada masa sama, semua suspek berkenaan juga tidak dibenar menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah sama.

"Semua murid berkenaan akan menduduki peperiksaan awam itu sama ada di pusat tahanan atau tempat yang berasingan dari pusat di sekolah mereka," katanya pada sidang media khas di Kementerian Pendidikan, semalam.

Mohd Azam juga berkata, suspek yang dibuang sekolah berkemungkinan memohon untuk bersekolah semula, tetapi tidak boleh berada di tempat yang sama.

"Mereka akan berada di sekolah yang lain. Identiti juga akan kita rahsiakan... juga supaya kita dapat uruskan mereka menduduki peperiksaan dengan baik.

"Kalau misalnya ditempatkan di pusat tahanan, kita memang ada prosedur dalam buku pengurusan pengendalian peperiksaan



"Mereka akan berada di sekolah yang lain. Identiti juga akan kita rahsiakan"
Dr Mohd Azam Ahmad

SPM di Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM)...kita akan uruskan mengikut prosedur yang ada," katanya.

Mengulas pusat peperiksaan buat calon SPM itu, Mohd Azam berkata, ia akan diuruskan oleh pegawai di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

"Mereka telah mendaftar sebagai calon SPM dan kita akan berikan mereka peluang untuk mengambil peperiksaan SPM.

"Pada kami di peringkat KPM, ini prinsip asas...seorang itu tidak bersalah selagi tidak dibuktikan bersalah oleh mahkamah. Jadi itu prinsip yang kita pegang dan selama ini pun, itulah prinsip kita," katanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, kebenaran untuk suspek menduduki peperiksaan SPM tidak sama sekali bermakna mereka akan terlepas daripada hukuman, bahkan tidak mengganggu proses un-

dang-undang yang sedang berjalan.

Pada Sabtu, empat pelajar tingkatan lima berusia 17 tahun direman enam hari sehabis Khamis ini bagi membantu siasatan kes terbahit mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan kerana rogol secara berkumpulan.

Kejadian didakwa berlaku ketika mangsa berpatah balik ke kelas di tingkatan tiga sekolah berkenaan untuk mengambil bahan projek mata pelajaran Sains yang tertinggal.

Mangsa dikatakan dihebet masuk ke dalam kelas sebelum dirogol dua lagi rakan mereka menyaksikan dan merakam perbuatan itu menggunakan telefon bimbit.

Kejadian terbongkar Jumaat lalu, selepas ibu mangsa menerima maklumat mengenai penyebaran video itu daripada guru sekolah dan segera membuat laporan polis.

Usia bawah 18 tahun bukan merit suspek terlepas

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi jaminan suspek terbahit salah laku seksual di sekolah menengah di Melaka akan diadili sewajarnya mengikut peruntukan perundangan sedia ada di bawah Kanun Keseksaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Transformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, faktor usia di bawah 18 tahun bukan merit untuk suspek terlepas daripada sebarang tindakan.

Katanya, ini kerana tindakan merogol adalah perbuatan jenayah dengan pertuduhan ke atas suspek boleh dibuat di mahkamah berasingan, bergantung kepada kelompok usia berlaku ketika kejadian berlaku.

"Bukannya (pelaku) bawah 18 tahun boleh bebas



Salah tetap salah, jahat tetap jahat. Hukuman tetap dikenakan, tetapi mahkamah (untuk prosiding pertuduhan dan percabaran kes terbahit) mungkin berlainan"

Azalina

jika dia melakukan jenayah. Ini banyak orang salah faham.

"Salah tetap salah, jahat tetap jahat. Hukuman tetap dikenakan, tetapi mahkamah (untuk prosiding pertuduhan dan percabaran kes terbahit) mungkin berlainan," katanya pada sidang media selepas forum *Nation Building and Future Resilience: Youth and Bul-*

lying sempena *International Young Future Summit* anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi di sini, semalam.

Azalina mengulas kenyataan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek berhubung empat pelajar disyaki terbahit dalam kes rogol pelajar perempuan, yang dibenar menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bulan depan.

Fadhlina dipetik berkata, keputusan itu dibuat bagi memastikan aspek pendidikan pelajar terbahit tidak terganggu meskipun mungkin terpaksa berdepan tindakan undang-undang.

Ditanya kewajaran suspek dibenarkan kembali ke sekolah, Azalina menjelaskan keadaan itu mungkin boleh berlaku mengikut prosedur dalam sistem Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Mangsa diberi sokongan psikososial

Kuala Lumpur: Seorang pelajar perempuan yang menjadi mangsa salah laku seksual di sebuah sekolah di melaka sedang menerima rawatan di hospital dan diberikan sokongan psikososial bagi membantu dari aspek mental dan emosi.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam satu kenyataan dikeluarkan kelmarin mengambil perhatian kesejahteraan pelajar berkenaan.

"Tindakan bagi kes itu sedang diambil oleh pihak berkuasa dan semua pelajar yang terbahit sebagai suspek sudah ditahan reman.

"Siasatan sedang berjalan maka murid terbahit

yang sedang berada di tingkatan lima mempunyai hak untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dijadualkan bermula bulan depan," katanya.

Menurut kenyataan itu, keputusan sama diambil KPM sebelum ini dalam kes salah laku seksual membabitkan tujuh orang murid di Sabah pada 2019.

"Kebenaran mengambil peperiksaan SPM tidak sama sekali mengganggu proses undang-undang yang sedang berjalan.

"Lembaga Tatartertib Sekolah akan menajutahkan hukuman buang sekolah terhadap mereka yang didapati bersalah," katanya. Sebelum ini, media me-

laporkan empat pelajar lelaki yang bakal menduduki peperiksaan SPM bulan depan, direman enam hari selepas disyaki merogol seorang pelajar perempuan secara bergilir-gilir di sebuah sekolah di Melaka minggu lalu.

Dalam pada itu, Ketua Polis Melaka, Datuk Dzulkhairi Mukhtar berkata, perintah reman terhadap enam suspek berumur 17 tahun itu dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar S R Arthana di Mahkamah Majistret Ayer Keroh bagi membantu siasatan.

Media turut melaporkan kejadian rogol bergilir-gilir terbahit berlaku kira-kira jam 2.50 petang pada 2 Oktober lalu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PM mahu sistem pendidikan tekankan aspek nilai dan prinsip

© 13 Oktober 2025, 9:12am



Anwar ketika berucap pada Perjumpaan Bulanan Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya, hari ini.

Oleh: Syafiqah Damanhuri

PUTRA JAYA: Perdana Menteri mahu sistem pendidikan negara memberi penekanan serius terhadap aspek nilai dan prinsip bagi mengelakkan kejadian tidak bermoral terus berleluasa.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kelemahan dalam sistem pendidikan ketika ini perlu ditangani segera, termasuk melalui peranan ibu bapa.

"Ini rogol lagi dekat sekolah. Hampir tiap majlis saya di Tambun hari Sabtu lalu ada dua program di sekolah. Itu saya tekankan masalah buli."

"Pendidikan itu knowledge (pengetahuan), not values, not moral and ethical principles (bukan nilai, moral dan prinsip etika). Jadi ada kekurangan. Bukan salah guru saja, ibu bapa, sistem," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perjumpaan Bulanan Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Tambahnya, perkara itu perlu dilakukan dengan usaha yang tinggi bagi melahirkan generasi masa depan yang baik.

"Jadi mudah-mudahan kita ada tekad lakukanlah sebaiknya untuk kita, untuk keluarga kita, untuk masyarakat kita, untuk negara kita," katanya.

Anwar turut menjelaskan, pada pembentangan Belanjawan 2026 Jumaat lalu, kerajaan bersetuju untuk membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Antibuli 2025 demi menentukannya.

Beliau berkata, seluruh kekuatan dan tenaga jentera merentasi kementerian digembleng bagi mengekang gejala buli.

Ini termasuk pelaksanaan di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) yang membangunkan Kerangka Antibuli Sekolah (SAFE) sebagai rangka menyeluruh pencegahan buli di sekolah serta memperkasa peranan guru dan murid melalui Program Amalan Sekolah Penyayang.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pula akan meningkatkan keselamatan mahasiswa di kampus dengan menambah kamera litar tertutup (CCTV) dan menganjurkan program sahsiah serta kepimpinan sebagai langkah pencegahan buli dan 'ragging' (budaya buli).

Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menyediakan sokongan psikososial melalui sesi kaunseling berkelompok.

Manakala, Kementerian Komunikasi akan melaksanakan Kempen Internet Selamat bagi meningkatkan tahap kesedaran siber dalam kalangan murid sekolah.

Anwar turut memaklumkan Rakan Muda pula menggerakkan inisiatif Lawan Buli dalam kalangan belia di peringkat akar umbi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KOS SARA HIDUP, TEKINAN KERJA CABARAN BESAR KETUA KELUARGA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 14 OKTOBER 2025

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Kos sara hidup, tekanan kerja cabaran besar ketua keluarga

LPPKN giat bangunkan modul kebapaan khusus tawar sokongan emosi

Oleh Saadiyah Ismail
bhrencana@bh.com.my

Hidup sebagai seorang bapa pada era serba mencabar hari ini bukan sekadar memikul tanggungjawab mencari rezeki, tetapi turut berdepan tekanan kewangan, kos sara hidup tinggi serta kesukaran mengimbangi tuntutan kerja dan keluarga.

Beban itu, jika tidak diurus dengan baik boleh menjerumuskan sesetengah lelaki ke tahap membimbangkan hingga menengancam keselamatan diri dan keluarga sendiri.

Kebimbangan itu turut disuarakan Pengarah Bahagian Kesejahteraan Keluarga, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Rosmonaliza Abdul Ghani, susulan dapatan tinjauan LPPKN yang mendedahkan kira-kira 2.2 peratus bapa di negara ini pernah mengakui terlintas niat mencedera, membunuh atau bertindak di luar kawalan terhadap ahli keluarga.

Rosmonaliza berkata, hasil tinjauan pendapat umum bertema "Terima Kasih Ayah" itu dijalankan secara dalam talian pada Jun lalu dan membabitkan 1,238 responden, iaitu bapa war-



ganegara berusia 18 tahun ke atas serta mempunyai anak.

Beliau berkata, hasil tinjauan itu mendapati, tekanan kos sara hidup dan kegagalan mencari keseimbangan kerja serta keluarga menjadi faktor utama yang menekan mental golongan bapa.

"Sembilan daripada 10 bapa mengakui kehidupan kini jauh lebih mencabar berbanding dahulu. Apabila gagal mengurus keluarga dengan baik, ia mencetuskan rasa tertekan sehingga membawa kepada kemurungan.

"Trend ini amat membimbangkan kerana menunjukkan pe-

ningkatan berbanding tahun sebelumnya. Jika tidak ditangani segera, ia boleh membawa kepada tragedi lebih besar," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Katanya, hasil tinjauan turut mendapati cabaran utama dihadapi bapa masa kini adalah masalah kewangan, pendapatan rendah dan tekanan di tempat kerja.

Rosmonaliza berkata, masyarakat masih melihat bapa sebagai simbol kekuatan dan ketua keluarga, namun hakikatnya ramai memendam masalah kerana ego

dan takut dipandang rendah.

Program bermula Disember

Menyadari isu kesihatan mental bapa semakin serius, LPPKN kini sedang membangunkan modul kebapaan khusus sebagai ruang sokongan emosi dengan kerjasama pakar akademik, NGO dan media. Program rintis dijangka bermula Disember ini.

"Kami sedar golongan bapa agak 'malu' menyertai program sebegini, jadi modul baharu ini akan disusun lebih menarik, praktikal dan benar-benar memberi manfaat," katanya.

Masyarakat masih melihat bapa sebagai simbol kekuatan dan ketua keluarga, namun hakikatnya ramai yang memendam masalah kerana ego dan takut dipandang rendah

Rosmonaliza
Abdul Ghani,
Pengarah
Bahagian
Kesejahteraan
Keluarga
LPPKN



Dalam pada itu, statistik perceraian di Malaysia juga membimbangkan apabila 36 peratus pasangan berpisah dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan.

"Jika keadaan ini berterusan, generasi akan datang mungkin menganggap keluarga lengkap bukan lagi satu keperluan. Ini memberi kesan besar kepada pembangunan masyarakat dan negara," tegasnya.

Beliau menambah, kebanyakan bapa malu mendapatkan bantuan berbanding wanita yang lebih terbuka membuat laporan polis. Justeru, usaha berterusan perlu digiatkan supaya lebih ramai lelaki berani menyertai program sokongan disediakan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BAPA MODEL EMOSI KEPADA PASANGAN, ANAK

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 14 OKTOBER 2025

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Bapa model emosi kepada pasangan, anak

Faktor budaya, sosial dan persepsi diri menjadi antara punca utama mengapa lelaki atau golongan bapa segan untuk mendapatkan bantuan dari sudut psikologi.

Pegawai Psikologi Kanan Bahagian Kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata lelaki terkenal dengan sifat maskuliniti tradisional di mana lelaki sering diasuh dengan nilai kuat, tabah dan tak boleh tunjuk lemah.

Justeru, untuk mendapatkan bantuan psikologi kadang-kadang dianggap sebagai tanda kelemahan atau kegagalan mengawal emosi sendiri.

“Stigma terhadap kesihatan

mental yang masih mendalam seperti gila, tidak waras atau tak pandai kawal diri, menjadikan lelaki cenderung risau dinilai oleh rakan, keluarga atau tempat kerja jika diketahui berjumpa dengan kaunselor atau ahli psikologi

“Pada masa sama, lelaki ini meletakkan diri sebagai tunjang keluarga dan berasa tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah sendiri.

“Selain itu, ramai lelaki tidak tahu bantuan psikologi bukan sekadar untuk masalah berat, tetapi juga untuk tekanan atau isu keluarga, selain tidak tahu bagaimana proses kaunseling atau terapi sebenarnya berfungsi,” katanya.

Katanya, tidak mustahil angka sebenar kecenderungan bapa mencederakan keluarga adalah tinggi atas faktor berkenaan, namun tindakan yang berlaku adalah hasil gabungan beberapa faktor pencetus antaranya tekanan hidup, kesihatan mental, masalah kewangan emosi dan impuls, hilang kawalan atau harga diri serta faktor persekitaran.

“Bagaimanapun, tekanan kewangan, pekerjaan dan konflik rumah tangga sering menjadi



Siti Fatimah

pencetus awal.

“Namun, tidak semua bapa yang tertekan akan mencederakan keluarganya kerana faktor tambahan seperti keupayaan kawalan diri, sokongan sosial, nilai agama dan kesedaran kesihatan mental akan menentukan sama ada tekanan itu diluahkan secara sihat atau secara ganas.

“Jika tanda-tanda seperti mudah marah mengancam ahli keluarga atau diri terlalu ekstrem mula kelihatan, itu isyarat perlunya intervensi segera (kaunseling, terapi, atau sokongan ko-

muniti),” katanya.

Siti Fatimah berkata, peranan kesihatan mental seorang bapa terhadap kestabilan emosi dalam keluarga adalah sangat besar, kerana bapa bukan saja dilihat sebagai penyara dan pelindung, tetapi juga sebagai model emosi kepada pasangan dan anak-anak.

“Bapa bukan sahaja menjadi ‘tiang’ emosi kepada keluarga, tetapi dalam hubungan suami isteri juga.

“Apabila emosi itu berjaya dikawal, anak-anak dapat mencontohi bapa menguruskan tekanan, berkomunikasi dengan baik dan meningkatkan kestabilan emosi serta perkembangan sosial anak,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : NGO URGES OPEN DIALOGUE REGARDING SEX EDUCATION

HARI : SELASA

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 14 OKTOBER 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

NGO urges open dialogue regarding sex education

► 'Children should be able to talk to their parents without fear or shame'

BY IKHWAN ZULKAFLEE
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: OrphanCare Foundation Malaysia trustee Nor Aishah Osman said parents in Malaysia must start having open conversations with their children about sex, relationships and respect to prevent unplanned pregnancies and the social issues that follow.

Nor Aishah said many cases of unplanned pregnancies could have been avoided if parents were more open from the start, adding that sex education begins at home.

"It is time for families to stop tiptoeing around these conversations. Children should be able to talk to their parents about these things without fear or shame," she told *theSun* in an exclusive interview.

OrphanCare Foundation, an NGO tackling child abandonment and baby dumping, runs reproductive health awareness programmes

across schools and universities to educate youths before problems escalate.

"We go to schools and colleges to teach young people about self-respect, healthy relationships and the dangers of social media grooming. And if something still happens, we have damage-control measures such as our baby hatch and birth mother support systems."

The programme is conducted by OrphanCare's Advocacy, Care and Facilitation team, supported by trained facilitators who travel to schools, colleges and universities nationwide.

Initially self-funded, the initiative now receives support from the Finance Ministry, enabling OrphanCare to expand its reach to underserved areas such as Penang, Terengganu and Sarawak. More than 10,000 students have benefited so far.

Unlike traditional talks or lectures, the sessions are interactive, covering topics such as sexual harassment, consent, grooming, online safety and how to support friends facing abuse or unintended pregnancy.

"We make it relatable. These are not wild or rebellious girls. Many are quiet, innocent and unaware. When their boyfriends pressure them with ultimatums such as 'sleep with me or I'll leave,' they often think giving in is the

only way to save the relationship."

OrphanCare has faced public misconceptions that its baby hatch programme, launched in 2009, encourages premarital sex or baby dumping, but Nor Aishah disagrees.

"By the time these young women come to us, they are heavily pregnant, some just a week away from giving birth. They are not here because they were encouraged to get pregnant. They are here because they have nowhere else to go."

She said without support, these vulnerable women may resort to dangerous decisions such as abandoning their newborns in toilets, dumpsters or secluded places.

Apart from government and NGO support, OrphanCare's Birth Mother Support Programme is funded by Bank Pembangunan Malaysia and Zurich Malaysia, helping about 30 mothers so far.

"This is not about encouraging premarital sex. It is about being realistic. If we do not educate our youth and offer them help when they need it, we are failing them, not just as NGOs, but as a society."

The support includes counselling, medical assistance, shelter and legal guidance to ensure the mother and baby are cared for and protected.

More than 700 saved via hatch programme

PETALING JAYA: OrphanCare Foundation Malaysia trustee Nor Aishah Osman said more than 700 babies have been rescued through the baby hatch programme since its launch in 2009.

She said the babies were placed directly into specially designed, climate-controlled hatch facilities that allow for the anonymous and safe placement of newborns.

There were also walk-in cases in which expectant mothers, often in the final stages of pregnancy sought help and counselling.

"This initiative was never about encouraging abandonment. It is about saving lives when desperate young mothers feel they have no other option."

About 60% of the mothers who seek help choose to keep and raise their children after receiving counselling and support, while the remaining 40% opt for adoption.

"For walk-ins, we always help the mother explore her options first. Sometimes she feels overwhelmed and believes she cannot do it, but after counselling she realises she could."

Each baby placed through the hatch is considered stateless until legal processes are completed, as OrphanCare does not record the identity of the person dropping off the child.

She said the anonymity is crucial as it encourages frightened mothers to seek a safe solution instead of abandoning their babies.

"We do not have CCTV pointed at the outside hatch. We only monitor the baby's condition inside. We made a promise of anonymity and we keep it."

While the baby hatch remains central to OrphanCare's work, it is only one part of its wider operations.

"Baby hatch placements make up just over 20% of the total babies we have helped. The rest are walk-ins – young mothers who come to us for help. Many are in their final trimester and desperate. Through counselling and support, we guide them through their options."

She added that OrphanCare does not operate as an orphanage but works closely with pre-approved adoptive families to ensure a safe transition when birth mothers cannot care for their babies.

"We have a stringent adoption process. Only first-time parents who are medically unable to conceive are eligible to adopt through us. We screen every applicant, conduct interviews and match babies only when we are confident the adoptive family can provide love and stability."

The foundation also collaborates with KPJ hospitals, which host six baby hatch facilities across the country, including in Sarawak, Perak, Negeri Sembilan, Kelantan and Pahang. Together with OrphanCare's three centres, there are nine baby hatches operating nationwide.

Nor Aishah said based on OrphanCare's experience, most women give up their babies due to stigma, fear and lack of family support.

"More than 90% of the young women who come to us are Malay. In our community, there's a deep shame attached to out-of-wedlock pregnancies. These girls are terrified of telling their parents. Some are even disowned."

In many cases, pregnancies result from unintended relationships, sometimes between young couples who were planning to marry but were overwhelmed by fear and shame.

"There are cases in which the girl is a teacher. We have advised her to relocate temporarily, to Sabah or Sarawak, to give birth and return quietly. We want to stop them from making decisions they would regret."

By contrast, she said non-Malay communities often have stronger family safety nets.

"The mother, aunt or grandmother would step in. It is less of an issue for them to raise a child born out of wedlock."

While financial hardship and academic pressure are also factors, shame remains the main reason babies are abandoned.

She said saving a baby is not just about giving a home, but also giving the mother a second chance.

"We need to be less judgmental and more supportive. These young women need guidance, not condemnation. And these babies need love, not shame." – *By Ikhwan Zulkaflee*



Nor Aishah said without support, vulnerable women may resort to dangerous decisions such as abandoning their newborns in toilets, dumpsters or secluded places. – **SYED AZAHAR SYED OSMAN/THE SUN**

Adopted infant thriving with family after 16 years

PETALING JAYA: The first child saved through OrphanCare Malaysia's baby hatch initiative in Petaling Jaya is now 16 years old and living with her adoptive family on the west coast.

OrphanCare trustee Nor Aishah Osman said she is deeply grateful that the foundation chose what she described as the perfect family for the rescued child.

"She is in secondary school now. We chose the right parents for her. They are not extremely wealthy, but she is showered with love."

"I once asked her parents if their daughter ever questioned where she came from. They said she did, but she accepted it, perhaps because she is so loved by both adoptive parents." Nor Aishah said, holding back tears as she recalled the moment.

She spoke to *theSun* in an interview marking the 16th anniversary of the initiative.

Apart from serving as an OrphanCare trustee, she also heads the baby committee, ensuring every child's best interests are protected throughout the adoption process.

She said adopting a child is often challenging, especially when the baby lacks a birth certificate, a common issue for those placed in baby hatches.

"Her parents had to go back and forth to the registration office from the start to sort out her citizenship."

"I really admire her mother. She was determined to make sure her daughter's file stayed on the officers' radar despite staff rotations."

Nor Aishah said she was even more grateful

for the family's unwavering commitment.

"Alhamdulillah, she's growing up like any other teenager. She has dreams, just like anyone else."

Since 2009, more than 700 babies have been saved through the initiative.

During *theSun*'s visit to OrphanCare Malaysia's office recently, a baby boy had just been rescued through the hatch.

"Left together with the baby was a note in which his mother named him Ian Yusof," Nor Aishah said.

The baby, estimated to be about a week old, was sleeping peacefully in a special room with a caregiver watching over him.

"God willing, he will be loved like all the other children we have saved." – *By Ikhwan Zulkaflee*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Aktivis cadang lima langkah lindungi kanak-kanak di sekolah



Faida Rahim
13/10/2025 | 20:44 MYT



Hartini menggesa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil lima langkah segera bagi memastikan keselamatan murid di sekolah susulan kebimbangan terhadap kes jenayah yang semakin berleluasa. - Bernama

KUALA LUMPUR: Aktivis hak kanak-kanak, Dr Hartini Zainudin, menggesa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil lima langkah segera bagi memastikan keselamatan murid di sekolah susulan kebimbangan terhadap kes jenayah yang semakin berleluasa.

Menurutnya, keselamatan dan maruah setiap anak perlu menjadi keutamaan tertinggi kementerian dan tindakan mesti dilakukan sebelum tragedi berlaku.

Dalam pada itu, Dr Hartini meminta dasar sekolah selamat diisytiharkan sebagai keutamaan nasional.

Tegasnya, semua sekolah termasuk kerajaan, swasta, agama dan tahfiz mesti melaksanakan dasar perlindungan kanak-kanak yang selaras dengan konvensyen hak kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-Kanak.

Selain itu, pegawai perlindungan kanak-kanak perlu dilantik dan dilatih di setiap sekolah dan guru dan pengetua perlu diberi latihan untuk mengenal pasti penderaan, bertindak terhadap pendedahan serta bekerjasama dengan pegawai kebajikan dan polis.

Pasukan tindakan sekolah selamat nasional katanya, perlu ditubuhkan dan pasukan itu harus terdiri daripada pakar psikologi, pakar perlindungan kanak-kanak, pegawai jabatan kebajikan masyarakat, NGO dan ibu bapa bagi membentuk sistem tindak balas dan akauntabiliti masa nyata.

Ujarnya, saluran aduan selamat perlu diwujudkan dan murid mesti mempunyai akses kepada cara aduan yang sulit, mudah serta selamat sama ada dalam talian, melalui talian bantuan atau kaunselor sekolah yang terlatih.

Seterusnya, ketelusan dan akauntabiliti perlu ditegakkan dan sekolah yang gagal bertindak atau menyembunyikan kes harus dikenakan tindakan tatatertib serta undang-undang.

Dr Hartini menegaskan bahawa ikrar menentang buli setiap pagi tidak mencukupi dan tindakan tegas serta pengisytiharan awam diperlukan bagi menjamin keselamatan murid.

Kementerian juga katanya, tidak perlu menunggu tragedi berlaku sebelum bertindak, sebaliknya menjadikan setiap sekolah benar-benar selamat untuk anak-anak belajar, bimbingan dan membesar.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Youth forum debates scope, implementation of anti-bullying legislation

By GERARD GIMINO

NATION

Monday, 13 Oct 2025
8:02 PM MYT

KUALA LUMPUR: Questions over the scope and implementation of the proposed Anti-Bullying Act took centre stage at the Nation Building and Future Resilience - Youth and Bullying forum, with youths from across the country voicing their views.

Delegates comprising university students across the country sought clarity if the Bill would cover those aged 18 and above, how it aligns with existing laws and also if the legislation will encompass cyberbullying.

Participants further raised the need for stronger whistleblower protection when lodging complaints through the anti-bullying tribunal, as well as the possibility of introducing alternative penalties for underage offenders instead of placing them in juvenile centres.

Responding, Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said said an online reporting mechanism is being mulled under the proposed act.

She said the mechanism would allow for action to be taken in cases where the relevant authorities response may have been unsatisfactory.

"The system and law we want to design is one where you can approach the tribunal directly online to lodge a complaint.

"If you are concerned that your current setting may not entertain or have biasness, the system allows for an online complaint medium," she said.

She also said the tribunal under the Anti-Bullying Act will be akin to the Tribunal for Anti-Sexual Harassment (TAGS) under the Women, Family and Community Development Ministry.

She said that cases which fall under the school's jurisdiction will have to be resolved by the school first.

"Those dissatisfied with the school's judgment of cases however can refer to the tribunal.

"We don't want people to think that there is no other platform for grievances apart from the school," she said.

Thiyagu Ganesan, the deputy director general (Law Reforms), at the Legal Affairs Division, said the Bill also covers instances of cyberbullying.

Thiyagu, who was part of the panel, added that there is no policy decision yet if the legislation will cover all age groups.

"There are some calling for it to only cover those aged 18 and below, while others say it should cover university students who are above 18," he said, adding that the decision will be made by the Cabinet through guidance from the minister.

He said the new Bill will also introduce a tiered system for handling complaints.

The first level involves a committee at the respective educational institution, while the second level is the tribunal.

"Not all complaints will go straight to the tribunal. Only cases where complainants feel their reports were mishandled or no action was taken can be referred to it.

"The same applies to children outside the school system as they can bring their cases directly to the tribunal," he said, adding that incidents occurring outside schools can also be heard by the tribunal.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pakar psikologi siapkan buku antibuli 7 hari lepas kes Zara Qairina

5 minit bacaan | 02/10/2022 09:48 AM | 284 pembaca

EKSKLUSIF | Selepas berita kematian Zara Qairina di asrama sebuah sekolah di Gabeh terasbar, pakar psikologi klinikal kanak-kanak Dr Noor Aishah Rosli menyiapkan sebuah e-book masa tujuh hari mengenai cara menangani perbuluan buli.

Buku bertajuk "Antibuli 360°: Panduan Psikologi dan 11 Strategi Praktikal untuk Ibu Bapa, Guru dan Rakan Sebaya" itu merupakan panduan psikologi yang tercedas daripada rasi kecewa Dr Aishah akibat kejadian tersebut.

"Saya sedang menonton berita (tentang Zara Qairina) dan tiba-tiba saya rasa amat kecewa. Saya terus bangun, pergi ke komputer dan selama tujuh hari tanpa henti, saya menulis," kata pakar berkenaan yang lebih biasa menyediakan laporan penilaian psikologi untuk hakim di Mahkamah Banding menulis buku untuk orang awam.



Aishah mengakui desakan untuk menghentikan budaya buli di seluruh negara memihakannya maka, namun dia percaya bahawa gejala itu boleh diubah dan sebab itulah memilih tajuk bukunya "Antibuli 360°".

"Buku ini seperti panduan latihan untuk guru, ibu bapa dan rakan sebaya," katanya.

Buku berkenaan bertujuan menawarkan strategi praktikal berasaskan psikologi untuk menghentikan kejadian buli di sekolah melalui empat, kesedaran dan pendidikan emosi sejak awal.

"Kalau pun tak semua sekolah atau seluruh Malaysia dapat dibebaskan daripada buli, sekurang-kurangnya biarlah ada satu sekolah yang benar-benar bebas — di mana pelajar-pelajar tidak berkata bahawa mereka saling menyayangi," katanya.

Sebagai ibu kepada empat anak berusia 12 hingga 22 tahun, Aishah berasa kecewa dengan kes buli di sekolah yang sering berulang, namun tetap berkecik untuk membuat perubahan dalam sistem sedia ada.

Aishah sebelum ini merupakan salah satu pakar dalam kes berprofil tinggi melibatkan kematian Aishahyarah Zaini Rayyan Abu Nadin.

Rang Undang-Undang Antibuli

Usaha Aishah ini dilakukan ketika negara sedang diuji-mati dengan perubahan buli.

Pada Jumaat lalu, Perdana Menteri Anwar Ibrahim mengumumkan bahawa Rang Undang-Undang Antibuli 2025 perlu dibentangkan dalam sidang Parlimen ini (yang berakhir pada 4 Disember), sambil menyifatkan buli sebagai "lanjutan senyap yang mesti dihapuskan dari akai ummah" melalui empat dan pengukuhan yang tegas.

Dua bulan lalu, Menteri Pendidikan Fadhinna Salleh mengumumkan bahawa pandangan pelajar — termasuk dari sekolah rendah dan menengah — akan dikumpulkan melalui sesi temui awal sebelum rang undang-undang itu digubal, bagi memastikan suara pelajar turut membentuk dasar tersebut.



"Saya faham undang-undang perlu pandangan penguasa, tapi sebagai ahli psikologi, saya juga patut menyumbang dalam Rang Undang-Undang Antibuli," kata Aishah.

"Saya hinggau ada yang hubungi saya, tapi setakat ini belum ada," kata kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu.

"Sekarang, kor buli ada di mana-mana. Ramai kata susah nak selesaikan.

"Saya setuju, tapi kita perlu duduk berfikir dan susun semula cara kita menangani isu ini, kalau tidak semua orang akan terus tertekan."

"Saya pun rasa tertekan. Sebagai ahli psikologi, saya sedih tengok perkara ini berlaku sebab saya tahu ia boleh ditangani," katanya tegas.

Juli lalu, kematian Zara Qairina, pelajar berusia 13 tahun yang ditemui di lantai bawah bangunan asrama sekolahnya di Gabeh, mencetuskan kemarahan orang ramai apabila pihak berkuasa pada awalnya menyalahkan kes itu sebagai kes buli.

Inkues mengenai kejadian itu kini sedang berjalan dengan saksi dipanggil memberi keterangan.


Awal bulan ini, seorang murid Tahun Empat di Gerawang, Negeri Sembilan ditemui tidak sedarkan diri di tandas sekolahnya sebelum disahkan meninggal dunia.

Berdasarkan monografi mangsa mengalami kecederaan akibat tekanan pada leher dan polis telah mengambil keterangan daripada 35 individu bertukang kejadian itu.

Pendidikan emosi dan Tahun Satu

Salah satu langkah penting untuk menangani buli sekolah, kata Aishah, ialah memastikan psikologi kanak-kanak terlebih dahulu.

Kejadian ahli psikologi kanak-kanak di sekolah-sekolah menyebabkan pelajar tidak dibaring secara profesional — misalnya kesedaran seperti ID media, AD-ID dan seterusnya sering disalah faham sebagai konsekuensi, lalu membolehkan stigma dan kadang-kadang membawa kepada buli.



"Kanak-kanak seperti ini sangat menjadi mangsa keawakan," kata bekas penyarah Universiti Malaya dalam bidang kaunseling pra-kawalan itu.

"Kadang-kadang itu bapa atau guru fikir mereka membuat orang lain, padahal mereka sendiri menghadapi masalah terlewat. Sebab itu sahingga awal sangat penting, tetapi kita tak boleh laksanakan kerana tiada ahli psikologi di sekolah," katanya.

Cemburu itu normal

Selepas 17 tahun berhubung dengan kanak-kanak dan remaja, Aishah yang juga pengasas CPC International di Bang — berkata "kunci" dalam menangani buli ialah memahami emosi sejak kecil.

"Muskun pengajaran tentang emosi positif dan negatif dari Tahun Satu," katanya.

Dia menegaskan bahawa nilai dan empati perlu ditanam sebelum pengaruh rasis selalunya terbentuk dalam diri anak-anak.

"Pada usia tujuh tahun, kanak-kanak masih belum mengenal personaliti mereka, jadi kita mesti mula ajar apa yang betul dan apa yang salah," katanya.



Dia menyalahkan bahawa kanak-kanak mesti diajar bahawa emosi seperti marah atau cemburu adalah normal, tetapi memerlukan kawalan diri dan batasan agar tidak menceraikan orang lain.

"Ada jenis cemburu yang mendorong kita untuk mempartasi diri, tetapi ada juga cemburu yang membawa kepada fitnah dan mayat di orang lain," tambahnya.

Buku Antibuli 360° senyap 195 halaman dan diterbitkan sendiri dengan 1,000 naskah, akan mula dijual minggu depan di Shopee, TikTok (melalui CPC International) dan laman web kinjanya.

Dasar berasaskan kasih sayang

Aishah berkata buku tersebut bukan sekadar cadangan dasar, tetapi senarai untuk menyedia kasih sayang.

Dia membayangkan bahawa sekolah perlu memupuk rasa bertaqwa sebagai amalan harian.

"Ia bukan mustahil. Jika setiap orang dalam bilik darjah benar-benar mengambil berat dan saling menjaga, sekolah itu boleh bebas daripada buli," katanya.

Aishah juga percaya bahawa hubungan emosi antara pelajar ialah salah satu cara paling berkesan untuk mencegah buli.

Menurutnya, apabila suasana bilik darjah dipenuhi rasa saling hormat menghormati dan saling mengabdikan berat antara satu sama lain, keinginan untuk menyakit orang lain akan hilang.

Resipi melahiri 'pembela rakan sebaya'

Antara cadangannya ialah melatih pelajar sebagai 'pembela' — rakan sebaya yang diajar untuk memarah dan bertindak apabila berlaku insiden buli, bagi memuatkan rasa tanggungjawab bersama.

"Latih pelajar di setiap sekolah sebagai pembela, masing-masing menjaga satu sama lain. Awak lindungi saya, saya lindungi anak," jelasnya.

Dia turut menyeru agar kes buli dikendalikan dengan jujur dan teus di sekolah, serta menepatkan agar guru dan pentadbir mamuk tanggungjawab, bukannya meintung reputasi institusi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Inkues Zara Qairina: Dua saksi kanak-kanak baharu beri keterangan

Jenayah - Dicipta: 13 Oktober 2025 10:06 AM



Gambar hiasan

KOTA KINABALU, 11 Oktober - Prosiding inkues kematian pelajar Zara Qairina Mahathir, memasuki hari ke-21 hari ini dengan mendengar keterangan dua lagi saksi kanak-kanak di hadapan Koroner Amir Shah Amir Hassan.

Kedua-dua saksi berkenaan merupakan saksi baharu yang merupakan saksi ke-11 dan ke-12 dalam prosiding hari ini.

Mereka juga merupakan saksi ke-20 dan ke-21 bagi keseluruhan prosiding sejak inkues bermula pada 3 September lepas.

Kedua-duanya turut ditemani pendamping sepanjang sesi soal jawab bersama peguam-peguam terlibat.

Bagaimanapun pengamal media tidak dibenarkan membuat liputan prosiding inkues melibatkan saksi kanak-kanak.

Mahkamah Koroner mengekalkan status quo untuk tidak membenarkan pengamal media membuat liputan prosiding inkues melibatkan saksi kanak-kanak.

Selari dengan Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001, identiti kedua-dua saksi dilindungi sepenuhnya dan prosiding dijalankan secara tertutup.

Menurut pasukan pegawai pengendali kes ketika dihubungi RTM pada 7 Oktober lalu, Jabatan Peguam Negara (AGC) memaklumkan bahawa media tidak dibenarkan berada dalam prosiding berkenaan sehingga semua saksi kanak-kanak selesai memberi keterangan.

Berdasarkan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2017, secara jelas melarang penerbitan sebarang maklumat yang boleh mendedahkan identiti kanak-kanak.

Inkues yang pada asalnya dijadualkan berlangsung selama 17 hari sepanjang September, diteruskan selepas tarikh dilanjutkan mulai 7 Oktober bagi memberi ruang kepada baki saksi memberi keterangan.

Minggu lalu, Mahkamah Koroner menetapkan prosiding hanya dijalankan setiap Isnin hingga Khamis.

Setakat ini, seramai 21 saksi telah memberi keterangan, melibatkan sembilan dewasa dan 12 kanak-kanak daripada 68 saksi keseluruhan dalam prosiding bagi mencari punca kematian Allahyarham Zara Qairina.

Zara Qairina, 13, disahkan meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu pada 17 Julai lepas setelah ditemukan tidak sedarkan diri di longkang berhampiran asrama sekolahnya di Papar pada 4 pagi, 16 Julai.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tujuh beranak hidup daif dipindahkan ke PPR

Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my



ABDUL Rahim dipindahkan dari sebuah rumah terbiar di Jalan Seelong ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Tiram. FOTO Mary Victoria Dass

Johor Bahru: Kerajaan negeri memindahkan sebuah keluarga yang menjalani kehidupan serba kekurangan di sebuah rumah terbiar di Jalan Seelong ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Tiram, di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Johor, Mohd Fared Mohd Khalid berkata, kerajaan negeri menerusi Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) mendapatkan rumah PPR kepada keluarga itu.

Beliau berkata, pemindahan dilakukan pada 7 Oktober lalu iaitu dalam tempoh masa kurang 24 jam selepas MAIJ meninjau keluarga berkenaan di Seelong Jaya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Puteri Wangsa, di sini.

Menurutnya, demi kelangsungan hidup keluarga itu, keluarga berkenaan menerima bantuan bulanan termasuk RM800 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan RM750 daripada MAIJ selain bantuan sewa rumah di PPR.

"Bayangkan tujuh sekeluarga termasuk ketua keluarga yang juga pesakit angin ahmar tinggal tanpa kemudahan asas di rumah terbiar selepas mereka tidak mampu menyewa di luar sejak Ogos lalu.

"Keselamatan anak yang paling kita bimbang kerana kediaman terbiar itu terletak di kawasan yang jauh daripada orang ramai, ia boleh membawa kemudaratan selain memberi ruang kepada masalah tidak diingini.

"Di Johor, kita tidak dapat membenarkan ia berlaku dan sebaik kita menerima aduan berkenaan kes seumpama ini, tugas kita adalah menyelesaikannya.

"Kita tidak dapat bertangguh lagi. Amin Baitulmal Daerah Johor Bahru bersama pasukannya akan membantu memindahkan keluarga ini," katanya ketika ditemui.

Mohd Fared berkata, pihaknya juga akan membantu bagi mengatur persekolahan anak pasangan berkenaan supaya mereka tidak tercicir.

"Ada juga seorang anak yang masih tidak memiliki dokumen pengenalan diri, ini pun kita akan bantu uruskan ikut prosedur yang sah.

"Bagi orang Islam terutamanya, MAIJ sentiasa ada menjaga fakir miskin kita kerana Rakyat Johor tidak layak menjalani kehidupan serba kekurangan," katanya.

Sementara itu, ketua keluarga terbabit, Abdul Rahim Mohamed Yunos, 54, berkata, dia dan isteri, Noor Sawatry Dinar, 40, berterima kasih atas keprihatinan kerajaan negeri.

"Selain berpeluang tinggal di PPR, kami juga bersyukur dengan sumbangan pelbagai kelengkapan rumah dari Masjid Taman Sri Pulau Perdana.

"Kami teruja apabila dipindahkan ke kediaman ini, ia membolehkan anak menjalani kehidupan lebih baik berbanding sebelum ini," katanya.

Pada 7 Ogos lalu, akhbar ini melaporkan kisah keluarga berkenaan yang dihalau dari rumah sewa di Jalan Banjaran, Kempas di sini akibat tidak mampu membayar tunggakan sewa.

Empat anak pasangan berkenaan bersekolah berusia antara 8 hingga 14 tahun manakala anak berusia 16 tahun sudah lama tidak bersekolah.

Suaminya sebelum ini bekerja di sebuah kilang membuat batu di Seelong diserang angin ahmar sebanyak dua kali termasuk pada Januari lalu dan pertengahan Mei lalu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TRIBUNAL KHAS BAKAL DITUBUH

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OKTOBER 2025

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

RUU ANTIBULI DIBENTANG BERASINGAN

Tribunal khas bakal ditubuh

Oleh Muhammad
Yusri Muzamir
yusri.mu-
zamir@bh.com.my

Kuala Lumpur

Rang undang-undang (RUU) berkaitan antibuli mungkin dibentang secara berasingan mengikut demografi melibatkan kelompok kanak-kanak dan dewasa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, Kertas Kabinet berhubung cadangan itu akan dibentang kepada Jemaah Menteri.

RUU itu, katanya, bakal mewujudkan kuasa bagi penubuhan Tribunal Antibuli, bertujuan memberi alternatif kepada mangsa, terutama jika tidak berpuas hati dengan prosedur pihak berkuasa termasuk sekolah.

Beliau berkata, populasi pelajar mencecah 5.1 juta di lebih 10,000 sekolah seluruh negara, sekali gus mungkin mewujudkan perbezaan keadaan yang sentiasa berubah atau fluks ketara antara kanak-kanak dan golongan dewasa.

"Banyak pihak bertanya sama ada kita perlu memiliki satu set undang-undang untuk semua atau dibuat secara berasingan mengikut kumpulan umur berbeza.



"Jika RUU ini menggabungkan semua peringkat usia, ia dikhuatiri menimbulkan perbezaan fluks sangat ketara"

Azalina Othman Said

"Perkara ini akan diputuskan Jemaah Menteri dan saya akan membentangkan kelebihan serta kekurangan cadangan terbabit kepada Kabinet.

"Jika RUU ini menggabungkan semua peringkat usia, ia dikhuatiri menimbulkan perbezaan fluks sa-

ngat ketara," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, beliau bertindak sebagai moderator forum *Nation Building and Future Resilience: Youth and Bullying* sempena *International Young Future Summit* anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi.

Mengenai penubuhan tribunal antibuli, Azalina berkata, ia dijangka mampu mempercepat prosedur siasatan kes memandangkan badan berkenaan tidak tertakluk kepada kes jenayah lain seperti dilaksanakan polis.

Katanya, pihaknya juga sedang meneliti kuasi-kehakiman iaitu platform mahkamah tersendiri yang berfungsi dengan lebih cepat dan sulit, sama ada secara mediasi atau penghukuman.

"RUU ini bakal membenarkan komunikasi dibuat secara terus kepada tribunal sekiranya mereka (mangsa atau waris) tidak berpuas hati dengan keputusan pihak sekolah. Secara asasnya, tribunal ini bertujuan mencari penyelesaian.

"Dalam konteks semasa, bagi golongan berusia 18 tahun ke atas, perkara ini dilihat daripada konteks berbeza sama ada ia masih dianggap sebagai kesalahan jenayah atau tidak. Semua perkara ini akan dinilai Jemaah Menteri," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : YOUTHS SEEK CLARITY ON SCOPE OF ANTI-BULLYING ACT

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Youths seek clarity on scope of Anti-Bullying Act

By GERARD GIMINO
gerard@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Calls for clarity on the scope and enforcement of the proposed Anti-Bullying Act dominated discussions at a forum, as youths pressed policymakers on whether the law would cover adults, cyberbullying and provide stronger whistleblower protections.

Delegates comprising university students across the country sought clarity on if the Bill will cover those aged 18 and above, how it aligns with existing laws and also if the legislation will encompass cyberbullying.

They were the attendees at the Nation Building and Future Resilience – Youth and Bullying forum here yesterday.

Participants further highlighted the need for stronger whistle-



blower protection when lodging complaints through the anti-bullying tribunal, as well as the possibility of introducing alternative penalties for underage offenders instead of placing them in juvenile centres.

Responding, Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform)

Datuk Seri Azalina Othman Said (*pic*) stressed that an online reporting mechanism is being mulled to allow victims to lodge complaints directly with a tribunal, ensuring action even when institutions fail to respond satisfactorily.

"The system and law we want to design is one where you can approach the tribunal directly online to lodge a complaint.

"If you are concerned that your current setting may not entertain or have biasness, the system allows for an online complaint medium," she said.

She also said the tribunal under the proposed Anti-Bullying Act will be similar to the Tribunal for Anti-Sexual Harassment (TAGS) under the Women, Family and Community Development Ministry.

She said that cases which fall

under the school's jurisdiction will have to be resolved by the school first.

"Those dissatisfied with the school's judgement of the cases, however, can refer to the tribunal.

"We want people to know there are other platforms for grievances besides the school," she said.

Thiyagu Ganesan, the deputy director-general (Law Reforms) at the Legal Affairs Division, said the Bill also covers instances of cyberbullying.

Thiyagu, a panellist, said there is no policy decision yet on whether the law will apply to all ages.

"There are some calling for it to only cover those aged 18 and below, while others say it should cover university students who are beyond 18," he said, adding that the decision will be made by the Cabinet through guidance from

the minister.

He said the new Bill will also introduce a tiered system for handling complaints.

The first level involves a committee at the respective educational institution, while the second level is the tribunal.

"Not all complaints will go straight to the tribunal. Only cases that complainants believe were mishandled or received no action can be referred to it.

"The same applies to children outside the school system, as they can bring their cases directly to the tribunal," he said.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	ANTI-BULLYING LAW TO COMPLEMENT PENAL CODE, SAYS AZALINA		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	14 OKTOBER 2025	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

OUTSIDE THE SCOPE

Anti-bullying law to complement Penal Code, says Azalina



Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said (front row, fourth from right) with participants at the International Young Future Leaders Summit (iFuture) in Kuala Lumpur yesterday. BERNAMA PIC

KUALA LUMPUR: The proposed Anti-Bullying Tribunal law being drafted by the government will not replace the Penal Code, but instead complement it by addressing acts of bullying that fall outside the scope of criminal offences.

Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said said bullying acts that constituted criminal offences would continue to be handled by the police.

She said this after engaging with university students at a forum.

Other forms of bullying, including cyberbullying and emotional harassment, would be managed under the tribunal's framework, she added.

"If the bullying involves criminal conduct, it is criminal, and the criminal courts will take action. If a death occurs due to bullying, such as suicide, that falls

under the Penal Code.

"This proposed law does not mean those under 18 are exempt from the Penal Code or punishment," she said.

"The tribunal aims to ensure justice is served while considering the best interest of the child."

She said the government was deliberating whether to include individuals aged above 18 under the same legislation.

"It's an issue of whether we want a separate law for those above 18. Many have raised this question, and the cabinet will decide. I will present the pros and cons."

Azalina said that Malaysia had more than 10,000 schools with over 5.1 million students under the Education Ministry, making a clear legal framework for bullying crucial.

"The definition of bullying has to be more specific because now it covers verbal, emotional, social and cyber elements — none of

which are clearly defined under any law.

"With this legislation, we want to start by clearly defining what bullying is."

Deputy director-general (Law Reform) at the Legal Affairs Division in the Prime Minister's Department, Thiyagu Ganesan, said more than 70 per cent of reported bullying cases occurred in secondary schools each year.

"Some 8.6 per cent of students aged 13 to 17 have been bullied. The most common forms are verbal (55 per cent), physical (37 per cent), social (40 per cent) and cyber (13 per cent)."

Thiyagu said that informal settlements, commonly known as "settle belakang", will no longer be permitted under the new legal framework.

"You will have to go before the committee and follow due process through the structured system that the anti-bullying legislation will introduce," he said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KAJI RUU ANTIBULI BERASINGAN KANAK-KANAK, DEWASA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 14 OKTOBER 2025

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kaji RUU antibuli berasingan kanak-kanak, dewasa

Kuala Lumpur: Datuk Seri Azalina Othman Said memberi bayangan rang undang-undang (RUU) berkaitan antibuli mungkin dibentang secara berasingan, mengikut demografi membabitkan kelompok kanak-kanak dan dewasa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) itu bagaimana-

pun berkata, keputusan berkenaan akan dimuktamadkan selepas Kertas Kabinet dibentangkan di Jemaah Menteri kelak.

RUU itu, katanya, bakal mewujudkan kuasa bagi penubuhan Tribunal Anti Buli, bertujuan memberi alternatif kepada mangsa, terutama jika tidak berpuas hati dengan prosedur dilaksanakan pihak berkua-

sa, termasuk sekolah.

Beliau berkata, ini berikutan populasi pelajar 5.1 juta di lebih 10,000 sekolah seluruh negara, sekali gus mungkin mewujudkan perbezaan fluks (keadaan sentiasa berubah-ubah) sangat ketara antara kanak-kanak dan golongan dewasa.

"Banyak pihak bertanya sama ada kita perlu memiliki satu set

undang-undang untuk semua atau dibuat secara berasingan mengikut kumpulan umur berbeza.

"Namun, perkara ini akan diputuskan Jemaah Menteri dan saya akan membentangkan kelebihan dan kekurangan mengenai cadangan terbabit kepada Kabinet kelak. Jika RUU ini menggabungkan semua peringkat usia, ia dikhuatiri akan

menimbulkan perbezaan fluks sangat ketara," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, Ahli Parlimen Pengerang itu turut bertindak sebagai moderator bagi forum 'Nation Building and Future Resilience: Youth and Bullying' sempena International Young Future Summit anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pelaku kes rogol, jenayah seksual disiasat tanpa kira umur

Nasional - Dicipta: 13 Oktober 2025 03:25 PM



Foto RTM

KUALA LUMPUR 13 OKTOBER - Setiap pelaku kes rogol atau jenayah seksual akan disiasat bawah Kanun Keseksaan tanpa mengira had umur termasuk pelajar sekolah.

Penegasan dibuat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said.

Beliau turut tegaskan yang umur pelaku bawah umur bukan alasan untuk melepaskan seseorang daripada tanggungjawab undang-undang terhadap jenayah dilakukan.

"Kalau dia bawah 18, sistem pendakwaannya mungkin berbeza, tapi dia masih akan didakwa bawah Kanun Keseksaan. Bukan sebab bawah umur, dia boleh bebas. Siasatan kes tetap akan dilakukan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Sebarang prosedur yang melibatkan pihak sekolah tidak menghalang proses perundangan dan siasatan PDRM yang dijalankan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada. Biarlah polis siasat supaya tindakan sewajarnya akan dikenakan," ujarnya.

Beliau berkata meskipun Kementerian Pendidikan (KPM) mempunyai proses tersendiri dalam menangani isu terbabit, kes jenayah tetap tertakluk bawah bidang kuasa undang-undang jenayah.

Datuk Seri Azalina berkata demikian kepada pemberita pada sidang kemuncak Pemimpin Muda Antarabangsa Masa Hadapan (IFUTURE) 2025 di sini ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek yang memaklumkan semua empat suspek kes rogol di Melaka dibenarkan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dijadual awal November depan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : 4 HELD OVER GANG RAPE EXPELLED

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 14 OKTOBER 2025

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

'A WAKE-UP CALL'

4 HELD OVER GANG RAPE EXPELLED

School disciplinary board made the decision to uphold justice for the victim, ensure safety, says Education D-G

LUOMAN HAKIM, TUTY HARYANTI
AHMAD RODZI AND ZAF SERAJ
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE four Form Five students accused of gang-raping a female schoolmate in Alor Gajah, Melaka have been expelled following an internal disciplinary probe, says Education director-general Dr Mohd Azam Ahmad.

He said the school Disciplinary Board's decision was made to up-

hold justice for the victim and to ensure the safety and integrity of the school environment.

However, the students will still be allowed to sit the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) in isolation or under police supervision if necessary.

"They have registered as SPM candidates, and we will allow them to sit the exams.

"For us at the ministry, our guiding principle is simple — a person is not guilty until proven guilty by the court."



Datin Noor Azimah Abdul Rahim

He said that their exam location would be decided by district and state education authorities.

He reminded schools nationwide to step up supervision in classrooms, hostels and on school grounds.

"This tragedy must serve as a wake-up call. Schools must remain safe spaces for learning and nurturing respect, dignity and good values," he said.

Meanwhile, the Parent Action Group for Education (PAGE) said the accused students should defer sitting the SPM this year, given the gravity of the alleged crime.

Its chairman, Datin Noor Azimah Abdul Rahim, said rape, especially gang rape, was an act of violence that should not be treated like a disciplinary issue.

"These students should have been expelled or suspended immediately.

"In the United States, these cases can be prosecuted as adult

crimes. Perhaps they can sit the SPM during the resit session or next year, after facing legal action," she said.

Meanwhile, Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said said being underage could not be used as an excuse to evade accountability for serious crimes such as rape.

She urged the public to allow police investigations to proceed fairly and added that if the accused were found guilty, they would face prosecution at the children's court.

The four suspects, all 17, have been remanded until Oct 16 under Section 375B of the Penal Code for gang rape.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : EMPAT PELAJAR TINGKATAN LIMA DISYAKI ROGOL DIBUANG SEKOLAH

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 14 OKTOBER 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Empat pelajar Tingkatan Lima disyaki rogol dibuang sekolah

Putrajaya: Empat pelajar Tingkatan Lima yang disyaki terabit merogol bergilir pelajar perempuan Tingkatan 3 di dalam bilik darjah sebuah sekolah di Alor Gajah, Melaka dibuang sekolah serta-merta, berkuat kuasa semalam.

Ketua Pengarah Pendidikan, Dr Mohd Azam Ahmad, berkata keputusan itu dibuat Lembaga Tata Tertib Sekolah yang bersidang semalam.

"Lembaga Tatatertib Sekolah telah bersidang pada hari ini

(semalam) dan telah menjatuhkan hukuman buang sekolah terhadap semua suspek yang terlibat," katanya pada sidang media khas di Kementerian Pendidikan, di sini, semalam.

Pada masa sama, Mohd Azam berkata, semua suspek kes berkenaan juga tidak akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah sama.

Katanya, semua murid berkenaan akan menduduki peperiksaan awam itu sama ada di pusat tahanan atau tempat yang be-

rasingan dari pusat di sekolah mereka.

Katanya, apabila dibuang sekolah, mereka mungkin memohon untuk bersekolah semula tetapi bukan tempat yang sama.

"Mereka akan berada di sekolah yang lain. Identiti juga akan kita rahsiakan supaya kita dapat uruskan mereka menduduki peperiksaan dengan baik.

"Kalau misalnya ditempatkan di pusat tahanan, kita memang ada prosedur dalam buku pengurusan pengendalian pepe-

riksaan SPM di Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) kita akan uruskan mengikut prosedur yang ada," katanya.

Mohd Azam berkata, Pejabat Pendidikan Daerah akan menguruskan lokasi pelajar terabit akan menduduki SPM.

Beliau juga menegaskan pelajar terabit berhak menduduki SPM dan Kementerian akan memastikan mereka dapat berbuat demikian.

"Mereka telah mendaftar sebagai calon SPM dan kita akan

berikan mereka peluang untuk menduduki peperiksaan SPM. Pada kami di peringkat Kementerian, ini memang prinsip asas, seseorang itu tidak bersalah selagi tidak dibuktikan bersalah oleh mahkamah.

"Jadi itu prinsip yang kita pegang dan selama ini pun itulah prinsip kita," katanya.

Pun begitu, Mohd Azam berkata, kebenaran untuk menduduki peperiksaan SPM tidak sama sekali bermakna mereka akan terlepas daripada hukuman.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4 pelajar suspek kes rogol di Melaka dibuang sekolah serta-merta

Oktober 13, 2025 @ 1:50pm



Ketua Pengarah Pendidikan, Dr Mohd Azam Ahmad ketika sidang media khas di KPM hari ini. - NSTP/ Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Semua empat pelajar yang menjadi suspek kes rogol bergilir-gilir seorang pelajar Tingkatan Tiga di sebuah sekolah di Alor Gajah, Melaka sudah dibuang sekolah serta-merta.

Ketua Pengarah Pendidikan, Dr Mohd Azam Ahmad, berkata keputusan itu dibuat Lembaga Tata Tertib Sekolah yang bersidang hari ini.

"Lembaga Tatatertib Sekolah telah bersidang hari ini dan telah menjatuhkan hukuman buang sekolah terhadap semua suspek yang terlibat," katanya pada sidang media khas di Kementerian Pendidikan (KPM) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas berkaitan perkembangan kes salah laku seksual itu yang didakwa berlaku kira-kira jam 2.50 petang pada 2 Oktober lalu.

Kejadian berlaku ketika mangsa berpatah balik ke kelas di tingkat tiga sekolah berkenaan untuk mengambil bahan projek mata pelajaran Sains yang tertinggal.

Mangsa dikatakan diheret masuk ke dalam kelas sebelum dirogol dua suspek, manakala dua lagi rakan mereka menyaksikan dan **merakam perbuatan itu menggunakan telefon bimbit**.

Kejadian terbongkar petang Jumaat lalu, selepas ibu mangsa menerima maklumat mengenai penyebaran video berkenaan daripada guru sekolah dan segera membuat laporan polis.

Dalam pada itu, Mohd Azam berkata semua suspek tidak akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah sama, sebaliknya akan menduduki peperiksaan awam itu sama ada di pusat tahanan atau tempat berasingan dari pusat di sekolah mereka.

Katanya, apabila murid terbabit sudah dibuang sekolah mereka berkemungkinan memohon untuk bersekolah semula, tetapi bukan tempat sama.

"Mereka akan berada di sekolah yang lain. Identiti juga akan kita kita rahiakan supaya kita dapat uruskan mereka menduduki peperiksaan dengan baik.

"Kalau misalnya ditempatkan di pusat tahanan, kita memang ada prosedur dalam buku pengurusan pengendalian peperiksaan SPM di Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).. kita akan uruskan mengikut prosedur yang ada," katanya.

Ditanya mengenai di mana mereka akan mengambil peperiksaan, Mohd Azam berkata ia akan diuruskan oleh pegawai di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

Mereka berhak duduki SPM

Beliau berkata, murid berkenaan berhak menduduki SPM dan KPM akan memastikan mereka dapat berbuat demikian.

"Mereka telah mendaftar sebagai calon SPM dan kita akan berikan mereka peluang untuk menduduki peperiksaan SPM. Pada kami di peringkat KPM, prinsip kami senang sahaja iaitu seseorang itu tidak bersalah selagi tidak dibuktikan bersalah oleh mahkamah.

Jadi itu prinsip yang kita pegang dan selama ini pun itulah prinsip kita," katanya.

Apa pun, Mohd Azam berkata, kebenaran untuk suspek menduduki peperiksaan SPM tidak sama sekali bermakna mereka akan terlepas hukuman.

Pada masa sama, beliau berkata kejadian rogol di sekolah bukan pertama kali berlaku, namun sebelum ini tidak tular di media sosial seperti berlaku pada 2 Oktober lalu.

Kelmarin, empat pelajar Tingkatan Lima direman enam hari sehingga Khamis ini, bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan kerana rogol secara berkumpulan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Keganasan rumah tangga tidak semestinya berhenti di situ – Zahnita Wilson



Oleh -SITI ATHIRAH DZULKIFLY 13 Oktober 2025, 11:00 am

KUALA LUMPUR: Selebriti dan peragawati terkemuka tanah air, Zahnita Wilson, tampil memberi pesanan buat wanita yang sedang atau pernah melalui pengalaman keganasan rumah tangga serta kawalan paksaan oleh pasangan.

Menerusi satu kenyataan yang dimuat naik di media sosialnya, Zahnita menzahirkan sokongan moral kepada kaum wanita yang menjadi mangsa agar terus kuat berdepan ujian.

Malah, Zahnita turut mengingatkan bahawa perjuangan mereka belum berakhir walaupun sudah berjaya keluar daripada hubungan toksik.

"Kepada wanita yang sedang mengalami keganasan rumah tangga atau kawalan paksaan oleh pasangan, apabila anda berjaya keluar (dan anda pasti akan keluar!), memang ada rasa lega dan bebas daripada persekitaran toksik yang selama ini menekan jiwa.

"Namun, saya ingin memberi amaran bahawa penderaan itu tidak semestinya berhenti di situ," katanya.

Menurut Zahnita, mangsa perlu berwaspada terhadap kempen fitnah dan tuduhan palsu yang mungkin dilemparkan untuk mencemarkan nama baik mereka serta mengalih perhatian mahkamah.

"Bersedialah kerana anak-anak juga boleh dijadikan senjata terhadap anda.

"Mereka akan cuba memusnahkan usaha anda mencari rezeki dan menghalang anda berdikari. Mereka menikmati penderitaan anda," ujarnya lagi.

Zahnita turut menasihatkan mangsa agar mempersiapkan diri dari segi mental dan emosi, kerana selepas keluar daripada hubungan berisiko, mereka mungkin akan terus diganggu, diugut dan diawasi.

"Jika melibatkan pertuduhan jenayah, bersedialah untuk berdepan dengan cubaan ugutan dan rasuah.

"Anda mungkin akan menjadi buntu, menangis, atau hilang arah, tidak mengapa. Walau seberat mana cabaran datang, jangan berpatah balik!" pesan Zahnita.

Mengakhiri kenyataannya, Zahnita menyeru agar semua wanita terus teguh mempertahankan maruah diri serta yakin bahawa kebenaran akhirnya akan terserlah.

"Dengan kesabaran datangnya kebajikan. Kebenaran pasti akan menang," katanya.

Pada Mei lalu, Zahnita nekad meneruskan perceraian dengan suaminya, Abd. Zackery Ghouse, 47, kerana merasakan kedua-dua mereka tidak lagi boleh hidup bersama sebagai sebuah keluarga seperti mana sebelum ini.

Terdahulu, Zahnita pada 2 Disember tahun lalu berkongsi foto dalam Instagram memaparkan bahagian mata kirinya dalam keadaan lebam.

Dakwa aktris berkenaan, punca kecederaan tersebut adalah disebabkan dibelasah oleh suami sendiri selain mengatakan Abd. Zackery mempunyai hubungan dengan wanita lain.

Susulan itu, pada 4 Disember 2024, Abd. Zachery didakwa di Mahkamah Majistret Kuantan atas dua tuduhan mendatangkan kecederaan terhadap isteri dan dadah. Beliau bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas kedua-dua pertuduhan tersebut.

Zahnita kemudiannya nekad memfailkan cerai terhadap suaminya di Mahkamah Rendah Syariah Kuantan pada 3 Disember tahun lalu.

Kemudian pada Mac lalu, Abd. Zackery memaklumkan mahkamah menggugurkan tuduhan dirinya daripada dakwaan mendera empat anaknya selain mendapat hak lawatan dan bermalam.

Abd. Zackery mendirikan rumah tangga dengan Zahnita pada 2005. Hasil perkahwinan itu mereka dikurniakan empat cahaya mata iaitu Zahrafeena, 18, Zasharayna Ghouse, 13, Zahlia Syowwal, 8 dan Abd Zayden Ghouse, empat tahun.